



## Penyakit Anjing Gila

### Tanda-tanda Pada Anjing

- 1 Menjadi liar dan mengigit benda-benda bergerak
- 2 Air liur meleleh dengan banyak
- 3 Muka bengkak dan mata berair
- 4 Cirit Birit

### Kacauganggu akibat aktiviti pemeliharaan anjing

- 1 Membuang najis merata-rata, menimbulkan kacauganggu bau busuk serta kebersihan
- 2 Menyebabkan bahaya gigitan kepada orang ramai
- 3 Bunyi yang bising mengganggu terutama di waktu malam



**ANJING BERKELIARAN**

**KES GIGITAN ANJING**

### **SILA LAPORKAN KEPADA**

**Aduan Anjing Berkeliaran / Kacauganggu**

**Majlis Bandaraya Seberang Perai.**

**Tel : 04-549 7490 / 04-540 2566**

**Aduan Penganiayaan, Gigitan & Anjing Berpenyakit**

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang.**

**04-5084368 / 04-5084369 / 04-5084366**

# RISALAH PELESENAN ANJING MBSP



**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

[www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my)  
[aduan@mbsp.gov.my](mailto:aduan@mbsp.gov.my)  
04-549 7700 / 04-549 7490

## SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

### LESEN ANJING

**1** Pemilik anjing boleh memohon lesen (patil) anjing di pejabat Majlis Bandaraya Seberang Perai di Bandar Perda, cawangan Kg Jawa Butterworth dan Sungai Jawi dengan bayaran sebanyak RM10.00 untuk setiap setiap ekor anjing yang didaftarkan.

**2** Untuk makluman, setiap ekor anjing berumur tiga (3) bulan wajib dilesenkan dan dipelihara mengikut had yang ditetapkan di sesuatu premis. Pemilik dikehendaki untuk membawa salinan cukai taksiran dan kad pengenalan pemilik ketika ingin membuat permohonan lesen (patil) anjing.

**3** Semua pemilik anjing boleh mendapatkan lesen (patil) bagi anjing peliharaan masing-masing bermula pada bulan Disember tahun semasa dan sah sehingga 31 Disember tahun berikutnya.

**4** Semua anjing berlesen wajib dipamerkan lesen (patil) sewaktu berada di dalam atau diluar kawasan rumah. Bagi lesen (patil) yang hilang pemilik dikehendaki mendapatkan lesen (patil) baru.

**5** Berikut merupakan bilangan pemeliharaan anjing di dalam sesuatu premis yang ditetapkan mengikut Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982:

- |                              |                         |
|------------------------------|-------------------------|
| i Pangsapuri (tingkat Bawah) | : Satu (1) Ekor Sahaja  |
| ii Rumah Teres               | : Dua (2) Ekor Sahaja   |
| iii Rumah Semi-D             | : Tiga (3) Ekor Sahaja  |
| iv Rumah Banglo              | : Empat (4) Ekor Sahaja |
| v Rumah Kampung              | : Empat (4) Ekor Sahaja |
| vi Ladang                    | : Enam (6) Ekor Sahaja  |



**6** Tanggungjawab pemilik anjing :-

i) Merawat mana-mana anjing yang sakit.  
ii) Memastikan premis yang didiami oleh anjing peliharaan diselenggara dengan bersih dengan pengudaraan yang cukup disamping mengambil langkah yang sewajarnya untuk pembuangan najis anjing yang terdapat di dalam premis dan juga di dalam kawasan halaman. Pemilik ditegah membawa anjing membuang najis di kawasan padang ataupun di dalam longkang.

iii) Memastikan anjing peliharaan masing-masing tidak menimbulkan kacauganggu bunyi bising akibat salakan anjing tersebut.

iv) Memastikan anjing yang dipelihara disimpan di dalam kawasan premis setiap masa dan ditegah membiarkan anjing berkeliaran di luar kawasan premis tanpa sebarang pengawasan. Sekiranya didapati berkeliaran, pihak MBSP berhak untuk menangkap anjing tersebut.

**7** Mana-mana pemilik anjing yang gagal mendapatkan lesen (patil) anjing yang sah serta gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan serta pemeliharaan anjing akan dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh pihak MBSP.

## PENGAWALAN PEMBIAKAN ANJING

- Hantar anjing untuk di mandulkan
- Serahkan anjing yang tidak dikehendaki kepada NGO kesayangan haiwan atau pihak MBSP

